



12 Januari 2012

**Memorandum daripada Majlis Profesor Negara
kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Reformasi Pilihan Raya**

1.0 LATAR BELAKANG

Majlis Profesor Negara ingin mencadangkan kepada Jawatan Kuasa Parlimen Tentang Reformasi Pilihan Raya demi memperkasakan demokrasi dan literasi politik di negara ini.

Seperti yang ramai sedia maklum, dalam sistem demokrasi yang diiktiraf di dunia, perkara paling pokok yang diberi keutamaan adalah kebebasan dan keadilan dalam proses pemilihan calon dan pengundian. Terdapat pelbagai cara yang dilaksanakan untuk menentukan proses pemilihan ini berjalan dengan telus dan aman.

2.0 FIRST PAST THE POST LAWAN PROPORTIONAL REPRESENTATION

Rata-rata rakyat Malaysia mungkin tidak terdedah dengan sistem-sistem pilihanraya demokrasi yang wujud di negara-negara demokrasi kain dalam dunia, malah tidak ramai rakyat kita yang faham dengan maksud sistem ***First Past The Post*** yang dilaksanakan di Malaysia. Peratusan yang sangat kecil daripada jumlah penduduk kita yang mungkin faham tentang sistem ***Proportional Representation***.

MPN tidak berhasrat untuk merumitkan lagi tugas Jawatankuasa ini dengan satu lagi tuntutan untuk mengubah sistem pilihanraya kita tetapi mengusulkan agar diberi perhatian akan kepentingan sistem ***Propotional Representation***, terutama sesuai dengan perkembangan politik dan literasi politik dalam negara pada masa ini.

Apa pun perlu cadangan ini memerlukan kajian yang mendalam dilakukan untuk memahami kelebihan dan kekurangan dalam sistem *proportional representation* ini agar semua rakyat Malaysia merasakan bahawa suara mereka diwakili dalam Parlimen dan bukan sahaja suara majoriti. Cuba kita bayangkan satu kemungkinan yang ekstrem di mana melalui sistem *first past the post* ada kemungkinan 222 kerusi boleh dimenangi oleh satu parti, manakal 49 peratus rakyat negara ini lagi mengundi untuk parti yang kalah. Adakah suara 49 peratus rakyat lain ini perlu sentiasa tidak diendahkan?

3.0 KERAJAAN SEMENTARA

- a) MPN mencadangkan bahawa dalam tempoh daripada pembubaran Parlimen atau DUN hingga pengumuman rasmi keputusan pilihan raya oleh SPR mesti dikuatkuasakan "kerajaan sementara". Disyorkan kabinet dibubarkan sebulan sebelum tarikh pembubaran Kerajaan untuk membolehkan pilihan raya diadakan dan Kerajaan akan diketuai oleh Ketua Hakim Negara, dan jika beliau gagal menjalankan tugas (mati, gila, bankrup atau sakit), maka tugas ini akan diambil alih oleh Ketua Setiausaha Negara. Penyandang tugas ini adalah atas perlantikan Yang Dipertuan Agong. Ini bertujuan agar tidak lagi kuasa "kerajaan sementara" itu kekal ditangan Kabinet kerajaan yang lama sebelum Parlimen dan Negeri dibubarkan.
- b) Ini untuk mengelakkan salah guna kuasa PM dan menteri-menteri kabinet daripada menggunakan kemudahan kerajaan untuk tujuan berkempen. PM dan menteri-menteri pada waktu ini adalah wakil rakyat yang berkempen sama seperti wakil rakyat yang lain di kawasan parlimen masing-masing.
- c)

4.0 PILIHAN RAYA BERJADUAL

- a) SPR mesti mengistiharkan pilihan raya umum dan negeri lima tahun akan datang, 3 bulan selepas setiap pilihan raya selesai dijalankan. Disyorkan tarikh pilihan raya umum ditetapkan iaitu pada hari Sabtu terakhir bulan Mac lima tahun dari tarikh sesi pertama parlimen bersidang. Ini akan memudahkan perancangan perhimpunan agung parti-parti politik dan pemilihan penamaan calon untuk bertanding dalam pilihan raya yang telah

ditetapkan itu, serta mengurangkan spekulasi yang tidak sihat dalam kalangan rakyat. Akhirnya lebih banyak politik tentang bila pilihanraya dan usaha melobi untuk menjadi calon daripada usaha untuk menjaga kepentingan dan kebajikan rakyat yang sepatutnya menjadi fokus keutamaan.

5.0 PILIHAN RAYA KERAJAAN TEMPATAN

- a) MPN beranggapan sudah sampai masanya untuk Malaysia memikirkan untuk memperkenalkan semula pilihanraya peringkat PBT. Ini mengambil kira perubahan taburan penduduk bandar mengikut etnik, meningkatnya budaya hidup kelas menengah dan pembandaran, keperluan negara untuk melahirkan pelapis kepimpinan dan literasi politik di kalangan rakyat, dicadangkan pemilihan perwakilan kerajaan tempat seperti Bandaraya, Bandar dan Majlis Daerah dibuat melalui pilihan raya.

6.0 PENGUKUHAN INSTITUSI RASUAH DAN JENAYAH POLITIK

- a) Tindakan segera dan dengan penalti yang berat perlu dijatuhkan kepada mana-mana individu yang bertindak anti-etnik lain dan menjadi petualang negara semasa ceramah dan kempen pilihan raya. Bukan setakat dikenakan penalti, jika unsur-unsur ini berlaku semasa ceramah dan kempen pilihan raya, maka calon yang bertanding itu mesti diambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.
- b) Tindakan segera dan dengan penalti yang berat perlu dijatuhkan kepada mana-mana individu yang mengamal rasuah demi mempengaruhi pengundian seseorang individu lain semasa pilihan raya parti politik dan pilihan raya. Bukan setakat dikenakan penalti, jika unsur-unsur ini berlaku semasa ceramah dan kempen pilihan raya, maka calon yang bertanding itu mesti dihadapkan ke muka pengadilan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tindakan lanjut dan jika didapati bersalah adalah dicadangkan agar calon seperti ini tidak dibenarkan bertanding dalam 3 pilihanraya Parlimen atau DUN akan datang.

- c) Pengundi yang didapati menipu (undi dua kali, menggunakan atau membenarkan kad pengenalannya digunakan) perlu dikenakan tindakan undang-undang.

7.0 HAD PENGGAL PERDANA MENTERI

- a) Tempoh seorang menjawat sebagai Perdana Menteri dan Menteri Besar/ Ketua Menteri ditetapkan selama tiga penggal (iaitu selama 15 tahun). Tempoh ini seharusnya dikuasakan pada tahun 2020 atau tarikh terawal selepas 2020 apabila parlimen dibubarkan.

8.0 PENDAFTTRAN PENGUNDI SECARA OTOMATIK

- a) MPN berpendapat sudah sampai masanya, dengan sistem teknologi sedia ada, untuk pendaftaran pengundi dibuat secara automatik.
- b) Sesiapa yang memiliki kerakyatan Malaysia, berumur 21 tahun dan berada di Malaysia semasa pilihanraya dijalankan secara automatik boleh mengundi tanpa memerlukan pendaftaran dibuat dengan SPR. Jika sistem ini dibenarkan, perlu ada pindaan Perlembagaan atau Akta Pilihan Raya, di mana ditetapkan pemegang mykad Malaysia yang berwarganegara Malaysia mesti mengundi di kawasan pilihan raya yang tertera alamat pada mykad tersebut. Jabatan Pendaftaran Negara perlu mengesahkan ketulenan MyKad pengundi di kawasan pengundian dijalankan.
- c) Isu samada ini melanggar hak asasi kemanusiaan tidak timbul kerana kita bukan memaksa mereka untuk mengundi cuma memudahkan cara pendaftaran sebagai pengundi. Samada orang tersebut kemudiannya keluar melaksanakan tanggungjawab demokrasi beliau adalah hak individu tersebut.

9.0 PENGGUNAAN DAWAT DALAM PILIHAN RAYA

- a) Penggunaan dakwat sebagai usaha mengelakkan penipuan kerana dikhuatiri ada pihak-pihak yang menipu dengan mengundi dua kali atau lebih di tempat pengundian yang

berbeza menggunakan kad pengenalan tiruan. Ini telah lama diamalkan di merata dunia dan ianya dapat mengembalikan keyakinan pengundi kepada SPR.

10.0 ‘AIRTIME’ MEDIA MASSA ARUS PERDANA DIJAMIN BEBAS

- a) Mungkin diwujudkan satu Akta yang membenarkan kesemua parti politik membeli ‘airtime’ untuk berkempen di media perdana. Jadi tidaklah nampak yang media arus perdana berat sebelah kepada satu pihak sahaja.
- b) “Kerajaan Sementara” yang diketuai KSN dan SPR selaku “Urusetia Pilihan Raya” bersama media massa di TV dan akhbar utama tempatan perlu memberi ruang dan peluang yang saksama dan adil secara automatik kepada mana-mana parti politik dan calon untuk berkempen menggunakan media massa ini sama seperti parti yang parti pemerintah negara sebelum itu. Ini adalah satu daripada penilaian utama dalam sistem demokrasi di mana kebebasan akhbar dan bersuara untuk semua dijamin. Wal hal pada masa ini “tiada pembangkang dan kerajaan” dan yang ada hanya kerajaan sementara. Disarankan masa berkempen dalam media massa perlu ada masa yang khas, termasuk juga diberikan liputan dalam Berita Perdana, Buletin TV3 dsb.
- c) Semua parti diberikan hak dan waktu yang sama di dalam media seranta Kerajaan untuk menyuarakan manifesto dan rancangan mereka.
- d) Semua parti yang bertanding diberikan peruntukan untuk berkempen berdasarkan jumlah calon yang bertanding. Sebaliknya pula jika calon yang gagal mendapat 10 peratus jumlah undi calon tersebut akan diminta membayar semula peruntukan yang telah diberikan dan jika ini tidak boleh dilakukan maka calon yang gagal itu akan dianggap muflis (selama 6 tahun).

11.0 KEDAULATAN NEGARA DALAM BERPOLITIK

- a) MPN juga berpendapat bahawa setiap parti politik yang bertanding apabila memasang, meletak atau menampal poster parti politiknya mesti sebanyak itu juga memasang, meletak atau menampal selang seli dengan bendera Malaysia. Dicadangkan kerja-kerja pemasangan poster pilihan raya dan bendera parti seperti Jalur Gemilang diberikan tugas ini terus kepada SPR. Parti politik perlu membayar sejumlah wang kepada SPR untuk melantik pihak-pihak lain yang “bebas” daripada politik melakukan kerja ini. Kerjasama daripada PBT agar tidak perlu lagi parti-parti politik dan calon memohon permit kelulusan memasang poster dan bendera semasa kempen pilihan raya mesti dijamin. Kerja-kerja pembersihan selepas pilihan raya terus dikendalikan oleh PBT yang akan dibayar oleh SPR dengan wang cagaran daripada parti atau calon yang bertanding.

12.0 HAL CALON BERTANDING DITAPIS

- a) Semua calon yang ingin bertanding akan ditapis oleh Cawangan Khas untuk mengetahui keadaan mental, kedudukan kewangannya, persekolahan, perkerjaan dan lain-lain yang diperlukan. Setiap laporan akan dikemukakan kepada Pengurus Suruhanjaya Pilihanraya untuk pengetahuan beliau.

13.0 UNDI POS

- a) Pengundi pos perlu dibatalkan.

14.0 KAWASAN PARLIMEN & DUN DENGAN BILANGAN PENGUNDI

- a) Ada kawasan Parliment dan DUN jumlah pengundinya sedikit dan ada yang ramai hingga tidak seimbang apabila dibanding di antara mereka. Kriteria ‘rural weightage’ untuk menjamin geopolitik negara sudah lapuk apabila mengambil kira proses pembandaran, penghijrahan dan perkembangan budaya hidup kelas menengah di negara ini. Ada yang berpendapat supaya setiap kawasan Parliment dan DUN diagih jumlah pengundi sama rata dan sama banyak. Demi menjaga kebebasan dan keadilan rakyat jelata, jurang

kemudahan dan peluang yang mempengaruhi ketidaksamarataan sosio-ekonomi di antara kawasan dan wilayah perlu dijadikan asas dalam menentu nasbah saiz kawasan persempadanan Parlimen dan DUN dengan jumlah pengundinya.

- b) Namun begitu MPN mencadangkan agar kajian terperinci dijalankan untuk mengubah formula sedia ada dalam menentu saiz kawasan Parlimen dan DUN dengan jumlah pengundinya. Kepentingan pengundi tidak berkuasa dan lemah dari kawasan mundur, miskin dan pinggir perlu dijaga oleh kerajaan. Jika kita biarkan yang kaya dan berkuasa, terutama dari kawasan maju, untuk mendapat pulang ‘perwakilan samarata’, sudah pasti matlamat pembangunan negara dan pembinaan negara bangsa akan terarah ke arah agenda sempit mereka; ketidaksamarataan dan ketidakstabilan politik buah akhirnya.

15.0 KESIMPULAN

Dalam semua hal yang dinayakan diatas, MPN berpendapat bahawa setiap Perbahasan tentang isu-isu berkaitan dengan pilihan raya perlu mengikut garis Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh Negeri-negeri dan peruntukan SPR. Apa-apa perubahan dengan isu-isu pilihan raya hanya boleh dilakukan dengan mendapat dua pertiga undi di Parlimen dan DUN. Perlu dipastikan juga tiada sebarang pindaan Akta Pilihan Raya oleh kerajaan jika tidak melalui Pindaan Perlembagaan.



Profesor Dr Mansor Mohd Noor

Felo Utama
merangkap
Setiausaha Kluster Politik, Keselamatan dan Hubungan Antarabangsa
Majlis Profesor Negara
Kementerian Pengajian Tinggi
Putrajaya
Malaysia